

Penguasaan Kosa Kata Bahasa Arab dalam Bidang Sastera dalam Kalangan Pelajar Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab

BITARA

Volume 6, Issue 4, 2023: 64-77
© The Author(s) 2023
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 8 August 2023
Accepted: 18 August 2023
Published: 10 September 2023

[Arabic Vocabulary Mastery of literature among Student of Bachelor in Arabic Language]

Rosni Samah, Aishah Isahak, Khairul Asyraf Mohd Nathir, Mohamad Yazid Abdul Majid, Mohd Adi Amzar Muhammad Nawawi & Hishomudin Ahmad^{1*}

1 Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan MALAYSIA.
E-mail: rosni@usim.edu.my

*Corresponding Author: rosni@usim.edu.my

Abstrak

Kosa kata merupakan elemen utama dalam penguasaan bahasa. Melalui kosa kata, frasa akan dapat dibina. Begitu juga kefahaman frasa akan dapat dicapai melalui kefahaman makna kosa kata. Tanpa saiz kosa kata yang mencukupi, penguasaan bahasa tidak dapat dicapai. Kajian ini bertujuan melihat tahap penguasaan kosa kata bidang sastera Arab dalam kalangan pelajar ijazah sarjana muda bahasa Arab. Bagi melihat tahap tersebut, set ujian disediakan melalui terjemahan kosa kata pilihan yang telah melalui kesahan pakar dalam bidang sastera Arab. Sampel adalah pelajar tahun akhir yang telah mengikuti beberapa kursus tentang sastera Arab. Dapatan kajian menunjukkan pelajar lemah dalam penguasaan kosa kata bidang sastera Arab. Kelemahan penguasaan kosa kata memberi implikasi terhadap kelemahan memahami perbincangan dalam bidang ini. Kajian ini turut mencadangkan agar pelajar bahasa Arab dapat menggunakan strategi pembelajaran bahasa bagi meningkatkan pemerolehan kosa kata dalam bahasa sasaran mereka.

Kata kunci: Strategi, kosa kata, bahasa Arab, Sastera Arab, STAM

Abstract

Vocabulary is a key in language mastery. Through vocabulary, phrases will be able to be built. Similarly, the understanding of phrases will be achieved through understanding the meaning of vocabulary. Without an adequate vocabulary size, language mastery cannot be achieved. This study aims to look at the mastery of vocabulary in the field of Arabic literature among undergraduate Arabic language students. In order to determine the level, the test set is prepared through the translation of selected vocabulary that has gone through the validity of experts in the field of Arabic literature. The sample is a final year student who has taken several courses on Arabic literature. The findings of the study show that students are weak in mastering the vocabulary of Arabic literature. Weakness in mastery of vocabulary gives implications to the weakness of understanding discussions in this field. This study also suggests that Arabic language learners can use language learning strategies to improve vocabulary acquisition in their targeted language.

Keywords: Strategy, vocabulary, Arabic language, Arabic Literature, STAM.

Cite This Article:

Rosni Samah, Aishah Isahak, Khairul Asyraf Mohd Nathir, Mohamad Yazid Abdul Majid, Mohd Adi Amzar Muhammad Nawawi & Hishomudin Ahmad. (2023). Penguasaan Kosa Kata Bahasa Arab dalam Bidang Sastera dalam Kalangan Pelajar Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab [Arabic Vocabulary Mastery of literature among Student of Bachelor in Arabic Language]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 6(4): 64-77.

Pengenalan

Pelajar-pelajar STAM mempelajari bahasa Arab sejak dari tingkatan satu lagi. Secara khususnya, mereka mempelajari subjek sastera Arab sejak dari tingkatan empat melalui sekatan DINI. Mereka telah pun mempelajari subjek sastera Arab selama tiga tahun. Dalam masa yang panjang ini sudah tentu mereka dapat menguasai saiz kosa kata sastera yang mencukupi untuk penguasaan bahasa Arab mereka.

Hasil kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa mereka masih lemah menguasai bahasa Arab yang menjadi medium utama dalam subjek-subjek mereka. Kelemahan ini dapat dilihat melalui kajian lepas sejak tahun 90an lagi sehinggalah sekarang. Kajian yang dijalankan oleh penyelidik-penyelidik dalam dekad ini menunjukkan bahawa penguasaan kemahiran bahasa Arab dalam kalangan pelajar adalah lemah dalam semua kemahiran. Kelemahan ini berpunca daripada beberapa faktor. Antaranya ialah diri pelajar sendiri yang tidak bermotivasi, kaedah pengajaran guru yang lebih menggunakan kaedah terjemahan dan berpusatkan guru, sukatan pelajaran dan persekitaran pembelajaran yang kurang memberi peluang kepada pelajar untuk berinteraksi menggunakan bahasa Arab (Osman Khalid, 1993, Ab. Rahim Ismail, 1994, Siti Saudah Hasan, 1994 dan Tarmizi, 1997).

Selepas dekad ini, kajian-kajian lepas juga turut membincangkan kelemahan yang sama dalam pembelajaran bahasa Arab di peringkat sekolah mahupun universiti. Kelemahan ini telah dibuktikan oleh beberapa penyelidik seperti; Anida (2003), Mat Taib (2008), Kamarul Syukri (2009), Zawawi Ismail et al. (2011), Rosni Samah (2012) dan Abdul Razif et al. (2017).

Izzah Syakirah & Rosni Samah (2020) telah menjalankan penyelidikan tentang kebolehan menterjemah kosa kata bahasa Arab dalam kalangan pelajar STAM bagi mengetahui tahap penguasaan pelajar terhadap kosa kata yang dipelajari daripada buku-buku sukatan di peringkat tingkatan enam STAM. Sampel dipilih secara bersasar untuk digunakan dalam kajian ini. Mereka terdiri daripada pelajar tingkatan enam yang akan menduduki peperiksaan STAM di salah sebuah sekolah SABK di negeri Selangor. Seramai 80 orang pelajar telah dipilih. Set soalan dibina dengan memilih perkataan bahasa Arab yang kerap digunakan dalam lima buah buku silibus pembelajaran STAM iaitu Tarikh Adab, Fekah, Tauhid, Mutalaah dan Mustalah hadis. Sebanyak 79 perkataan dikenal pasti hasil daripada cadangan dan pemilihan oleh guru yang mengajar subjek-subjek tersebut. Akhirnya 66 perkataan telah dimuktamadkan hasil daripada semakan tiga orang pakar.

Hasil analisis menunjukkan sampel kajian lemah dalam menguasai kosa kata utama dalam subjek yang dipelajari. Mereka tidak mampu menterjemah kata nama, kata kerja, dan penanda wacana mengikut laras bahasa. Setiap kategori mendapat min di antara 1.0-1.45 yang menunjukkan jawapan salah. Min keseluruhan adalah 1.3 yang menunjukkan mereka lemah menterjemah perkataan-perkataan yang disediakan.

Zainur Rijal et al. (2015) telah menjalankan penyelidikan tentang tahap penguasaan bahasa Arab pelajar universiti. Iaitu satu kajian korpus di Universiti Sains Islam Malaysia. Responden kajian ialah pelajar Fakulti Pengajian Bahasa Utama, USIM yang sedang mengikuti ijazah pertama dalam bidang Bahasa Arab dan Komunikasi. Seramai 59 orang pelajar tahun satu telah dipilih untuk menjawab ujian yang berkaitan penguasaan kosa kata. Dalam membina item ujian kepada responden, penyelidik-penyelidik memilih beberapa kosa kata secara berkala dari senarai *Corpus of Contemporary Arabic* (CCA). Pemilihan item ujian dalam korpus ini melibatkan proses memilih tiga (3) kosa kata pada setiap 500 perkataan mengikut kedudukan kekerapan penggunaannya dalam korpus tersebut.

Kajian ini mengambil kira kosa kata akademik yang terdapat dalam buku-buku sukatan STAM. Tiga (3) perkataan telah dipilih bagi setiap 500 perkataan bermula dari kedudukan 500 hingga 5000 yang menjadikan jumlah keseluruhan kosa kata yang dalam item ujian sebanyak 30 perkataan. Hasil kajian secara umumnya, menunjukkan bahawa tahap penguasaan pelajar berada pada tahap yang rendah kerana sebahagian besar pelajar tidak mampu menjawab ujian yang telah diberikan dengan baik.

Asmuni et al. (2020) telah menjalankan penyelidikan tentang penguasaan kosa kata bahasa Arab dalam bidang politik dan ekonomi. Tujuannya adalah untuk mengenal pasti tahap penguasaan kosa kata pelajar dalam bidang politik dan ekonomi daripada surat khabar Arab. Set soalan ujian dibina melalui teks daripada *Akhbar al-Atheer*. Ia mengandungi bahagian teks petikan dalam isu politik dan ekonomi dengan memilih kosa kata yang selalu berulang bagi mengukur tahap penguasaan mereka. Sebanyak 30 kosa kata dipilih dalam bidang politik dan 20 kosa kata dipilih dalam bidang ekonomi. Sampel kajian dipilih secara rawak seramai 231 orang pelajar daripada kumpulan yang mengambil kursus bahasa Arab wajib universiti. Mereka adalah pelajar lepasan sekolah yang telah mengambil Bahasa Arab di peringkat SPM, pra universiti seperti Tamhidi, Asasi, Tingkatan 6 STAM, dan STPM.

Berdasarkan markah yang diperolehi, didapati pelajar tidak menguasai kosa kata dalam bidang politik dan ekonomi berdasarkan keputusan terjemahan pelajar yang hanya 3% sahaja mendapat markah tertinggi antara 31 hingga 40 daripada 50 markah penuh. Manakala 91% mendapat markah antara 1 hingga 10 daripada 50 markah penuh.

Dapatan daripada hasil kajian-kajian lepas menunjukkan pelajar kurang menguasai kosa kata. Oleh sebab itu kajian ini cuba melihat sejauh manakah pelajar-pelajar pengkhususan bahasa Arab dapat menguasai kosa kata dalam bidang sastera Arab.

Objektif

Kajian ini bertujuan mengenal pasti tiga perkara berikut:

1. Hubungan di antara sijil memasuki universiti dan pencapaian PNGK.
2. Tahap penguasaan kosa kata frasa nama dalam bidang sastera oleh pelajar-pelajar pengkhususan bahasa Arab.
3. Tahap penguasaan kosa kata frasa kerja dalam bidang sastera oleh pelajar-pelajar pengkhususan bahasa Arab.

Kajian Perpustakaan

Penguasaan bahasa bergantung kepada penguasaan saiz kosa kata yang membentuk ungkapan bahasa bagi mengungkapkan sesuatu makna yang tersirat di dalam pemikiran. Dalam usaha penguasaan kosa kata, pelajar hendaklah memilih kosa kata yang mempunyai nilai frekuensi yang tinggi dalam pelbagai bidang. Setiap bidang mempunyai kosa kata yang bersekutu dan khusus. Kosa kata bersekutu ialah kosa kata umum yang terdapat dalam kesemua bidang dan penggunaannya adalah setara bagi mengungkapkan frasa biasa digunakan. Manakala kosa kata khusus pula merupakan kosa kata khusus dalam bidang yang mempunyai makna tersendiri.

Contoh yang boleh dilihat ialah perkataan (غرض أو أغراض). Dalam ayat biasa, perkataan ini memberi makna “tujuan”. Dalam bidang sastera pula, perkataan ini membawa makna “tema”. Sekiranya pelajar membaca bahan sastera dengan memahami perkataan ini mengikut makna biasa, sudah tentu mereka tidak dapat memahami teks dengan baik. Begitu juga perkataan الأحداث yang membawa makna plot dalam sastera. Perkataan ini dari sudut ayat biasa membawa makna peristiwa. Perkataan yang lain pula ialah الشخصية yang menunjukkan makna watak dalam sastera. Dalam ayat biasa ia memberi makna personaliti. Begitulah perkataan-perkataan yang mempunyai makna khusus dalam bidang sastera yang tidak sama dengan ayat biasa.

Bagi menguasai bahasa yang baik dalam pelbagai bidang, pelajar hendaklah menguasai kosa kata dan maknanya yang tersendiri dalam pelbagai bidang. Tanpa mengetahui makna perkataan dalam bidangnya, pelajar tidak dapat memahami makna yang dimaksudkan bagi mengungkapkan makna dalam bidang tersebut. Kelemahan menguasai kosa kata dalam bidang tertentu menyebabkan penguasaan bahasa pelajar menjadi lemah.

Dalam usaha menguasai kosa kata, sarjana bahasa telah mengemukakan beberapa strategi yang boleh digunakan oleh pelajar. Rosni Samah (2013) dalam bukunya yang berjudul “Kaedah Penguasaan Kosa Kata Bahasa Arab Untuk Pelajar Bukan Arab” membincangkan beberapa pendekatan untuk penguasaan bahasa Arab. Ia dapat dikuasai dengan baik melalui pengumpulan kosa kata yang banyak berulang dalam pelbagai bidang. Untuk pengukuhan kosa kata, pelajar hendaklah sentiasa mengamalkan aktiviti yang boleh menyimpan kosa kata yang dikumpulkan untuk digunakan sebagai ungkapan. Begitu juga, pelajar hendaklah membudayakan penggunaan bahasa dalam persekitaran bahasa yang dibina.

Beliau juga menjelaskan bahawa pengumpulan kosa kata boleh dicapai melalui empat pendekatan kemahiran, seperti pembacaan, pendengaran, penulisan dan interaksi. Pendekatan ini boleh dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu penyimpanan dan produksi. Penyimpanan adalah pendengaran dan pembacaan kerana pelajar hanya menerima bahasa yang sedia ada tanpa perlu membina apa-apa frasa. Produksi pula ialah interaktif dan penulisan yang memerlukan pelajar membina frasa sendiri mengikut makna yang hendak digambarkannya.

Selain itu, beliau turut mengemukakan beberapa aktiviti bahasa yang dapat dijalankan bagi membantu mengingat dan membudayakan penggunaan kosa kata bahasa Arab. Antara aktivitinya adalah aktiviti pembacaan pelbagai bahan bacaan, aktiviti penulisan dalam pelbagai bidang, aktiviti menonton secara berterusan, aktiviti terjemahan pelbagai bahan, aktiviti mainan dengan menggunakan bahasa, berinteraksi, kuiz bahasa dan lawatan sambil belajar.

Rohaizaf et al. (2018) mengkaji penggunaan Kaedah Terus dalam pengajaran kemahiran bertutur bagi membantu pelajar menguasai kosa kata dengan baik. Menurut mereka, Kaedah Terus adalah kaedah yang boleh digunakan pada masa kini terutamanya mengikut teori pembelajaran bahasa Ibn Khaldun “ulang dan ajuk”. Mereka menjalankan kajian eksperimen ke atas dua kumpulan sampel kajian yang terdiri daripada pelajar-pelajar matrikulasi Universiti Islam Antarabangsa yang mengikut kursus wajib bahasa Arab. Kajian ini dijalankan melalui tiga proses iaitu pra-ujian, ujian pertengahan dan ujian pasca. Hasil kajian menunjukkan bahawa pelajar banyak mengumpul kosa kata baharu melalui aktiviti interaktif dan penguasaan saiz kosa kata meningkat dengan penggunaan Kaedah Terus.

Menurut pandangan Virginia (1983) pelajar tidak mampu mengumpul semua perkataan yang terdapat dalam bahan bacaan. Oleh itu mereka hendaklah mengumpul perkataan yang mempunyai nilai kekerapan berulang dalam bahan bacaan dengan mengenal pasti perkataan tersebut. Seterusnya memilih perkataan yang kurang berulang dan akhirnya memilih perkataan yang ganjil dalam bidangnya sahaja. Perkataan yang selalu berulang hendaklah dikumpul, dicatat dan dihafal bersama dengan frasanya bagi memudahkan ingatan. Kosa kata seperti ini penting dan membantu dalam penguasaan bahasa.

Tu'aimah (1989) membincangkan kepentingan pengajaran kosa kata dengan menegaskan bahawa pengajaran kosa kata dalam pengajaran bahasa merupakan asas utama dan tuntutan keperluan belajar bahasa kedua. Menguasai kosa kata bahasa Arab bermaksud pelajar hendaklah mampu menyebut perkataan dengan makhraj yang betul, memahami maknanya dengan tepat mengikut keperluan ayat, mengetahui pola pecahannya dan terbitannya serta mengetahui kaedah pembinaannya di dalam ayat lengkap.

Perkara yang utama ialah pelajar hendaklah mampu memilih kosa kata yang tepat untuk makna yang ingin diungkapkannya. Ini tidaklah bermaksud pelajar hanya menghafal kamus dan tidak mampu menggunakan perkataan tersebut dalam ungkapan. Pelajar hendaklah memilih perkataan yang kerap digunakan dalam pelbagai situasi dan dapat menggunakannya ketika perlu dengan lebih mudah. Perkara yang penting, ialah pelajar hendaklah menguasai kosa kata utama yang sentiasa digunakan dalam pelbagai bidang dan mampu menggunakannya ketika perlu bagi mengungkapkan sesuatu peristiwa atau situasi.

Beliau turut membincang beberapa asas pemilihan kosa kata seperti:

1. Perkataan sentiasa berulang dalam penggunaan.
2. Perkataan yang digunakan dalam pelbagai bidang.
3. Perkataan yang mudah diperolehi dan diingati.
4. Perkataan yang menjadi kebiasaan dalam penggunaan.
5. Perkataan yang mempunyai pelbagai bidang kegunaan dan makna yang luas.
6. Perkataan yang berkisar dalam keperluan pelajar.

Al-Naqah (1985) turut membincangkan kepentingan penguasaan kosa kata dalam kalangan pelajar bahasa asing yang merupakan langkah pertama untuk mempelajari bahasa asing. Kosa kata merupakan batu-bata dalam pembinaan ayat yang membawa makna dalam ungkapan. Seseorang mampu berfikir kemudian menterjemahkan pemikirannya dalam bentuk ungkapan yang menggambarkan makna yang dikehendaki. Kosa kata dapat dikuasai melalui kemahiran mendengar dan membaca yang diikuti dengan kemahiran bercakap dan menulis.

Beliau membincangkan pendekatan menguasai kosa kata melalui tema-tema yang selalu digunakan oleh pelajar dalam kehidupan seharian mereka. Terdapat beberapa pengalaman yang boleh digunakan dalam penguasaan kosa kata seperti:

1. Berinteraksi melalui persoalan dan jawapan.
2. Berdialog dalam pelbagai situasi dan bercerita sekitar kehidupan pelajar.
3. Pengalaman kemasyarakatan seperti perbincangan, menyambut tetamu, berbual, ungkapan penghargaan dan menggunakan peralatan sekolah.

Beliau turut mencadangkan beberapa pendekatan untuk meningkatkan penguasaan kosa kata seperti:

1. Memilih perkataan yang mempunyai hubungan rapat dengan situasi yang selalu diungkap dan dibualkan oleh pelajar.
2. Berkomunikasi untuk mempraktikkan penggunaan kosa kata.
3. Mengulangi perkataan secara sistematik.
4. Pelbagai bahan bacaan.
5. Menganalisis makna perkataan.
6. Menggunakan pelbagai ungkapan dan kamus.

Berdasarkan pandangan para penyelidik di atas tentang kepentingan, kaedah pengajaran, dan penguasaan saiz kosa kata pelajar, dapat dirumuskan bahawa asas utama dalam pembelajaran bahasa Arab adalah penguasaan kosa kata melalui aktiviti pembelajaran yang efektif dan juga strategi yang digunakan oleh pelajar. Kosa kata boleh dikuasai melalui bahan bacaan berkala seperti surat khabar. Pelajar hendaklah menguasai saiz kosa kata yang baik untuk memahami bahan bacaan terutamanya apabila mereka berada di peringkat universiti bagi mengetahui isu-isu semasa yang berlaku pada setiap hari.

Metodologi

Kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap penguasaan kosa kata pelajar dalam bidang sastera daripada bahan rujukan sastera Arab dengan menggunakan kaedah kuantitatif melalui set soalan ujian yang diedarkan kepada pelajar. Sampel pelajar seramai 100 orang dipilih daripada pelajar tahun akhir yang sedang mengikuti Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab dan Kesusasteraan Islam di salah sebuah universiti Awam. Mereka telah pun mengambil beberapa kursus tentang Sejarah dan Teks Sastera Arab. Kesemua mereka telah pun mengambil subjek Bahasa Arab di peringkat sekolah menengah. Terdapat 77% daripada mereka terdiri dari lepasan STAM yang sudah mengambil subjek Sejarah dan Teks Sastera Arab Moden. Begitu juga terdapat 96% daripada mereka mendapat PNGK 3.0 ke atas.

Set ujian dibina melalui pemilihan perkataan yang selalu berulang dalam buku-buku rujukan sastera Arab. Tujuan utama ujian ini adalah untuk mengetahui penguasaan pelajar terhadap kosa kata yang selalu berulang dalam bidang sastera Arab. Selepas melalui tapisan pakar, sebanyak 36 perkataan dipilih untuk diuji. Sebanyak 12 perkataan kata nama dan 24

perkataan kata kerja dimuktamadkan. Pada peringkat awal, sebanyak 50 patah perkataan telah dipilih. Selepas saringan tiga orang pakar dalam bidang sastera Arab, sebanyak 14 patah perkataan digugurkan daripada senarai tersebut. Pengguguran ini mengambil kira enam perkataan yang merupakan perkataan khusus dalam bidang sastera dan tidak selalu berulang. Mana kala lapan patah perkataan lagi adalah perkataan yang biasa terdapat dalam petikan biasa.

Pemilihan 36 perkataan yang selalu berulang dalam bidang sastera Arab telah melalui saringan pakar yang mengesahkan bahawa perkataan tersebut mempunyai kekerapan yang tinggi dalam bahan rujukan sastera. Dengan menggunakan ujian kebolehpercayaan Cronbach's Alpha, keputusan membuktikan bahawa perkataan dalam ujian tersebut mempunyai tahap kebolehpercayaan yang tinggi iaitu 0.915. Data kajian ini dianalisis menggunakan perisian *Statistical Pacakage for Social Science* (SPSS) yang melibatkan statistik deskriptif iaitu kekerapan bagi mencari peratus betul yang terbanyak dan korelasi bagi melihat hubungan di antara sijil memasuki universiti dengan PNGK iaitu melihat kebolehan mengikuti kursus dalam Bahasa Arab.

Dapatan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk melihat hubungan di antara sijil kemasukan ke universiti dengan pencapaian PNGK semasa belajar serta penguasaan kosa kata pelajar dalam bidang sastera Arab. Pelajar diminta menterjemahkan perkataan yang dipilih ke dalam bahasa Melayu tanpa merujuk kamus atau bertanya kawan. Objektif pertama ialah melihat kemampuan mereka terdahulu dan kebolehan mengikuti pengajian di universiti melalui hubungan di antara sijil kemasukan ke universiti dengan pencapaian PNGK semasa.

Melalui analisis korelasi, dapatan menunjukkan terdapat hubungan yang kuat di antara sijil kemasukan dan pencapaian PNGK dengan nilai .919. Dapatan ini menunjukkan mereka mampu menguasai sukatan yang dipelajari di peringkat universiti yang majoriti kursus dalam bahasa Arab. Kemampuan bahasa Arab yang mereka miliki semasa berada di peringkat sijil di sekolah menengah membolehkan mereka mencapai PNGK yang baik. Mereka berjaya memiliki sijil yang baik di peringkat sekolah walaupun terdapat kajian yang menunjukkan tahap kelemahan dalam penguasaan bahasa Arab.

Objektif kedua dan ketiga melihat kemampuan menguasai perkataan dalam bidang sastera. Kemampuan ini dinilai berdasarkan kemampuan mereka memahami makna melalui terjemahan. Terjemahan perkataan ini menunjukkan sama ada pelajar mengetahui makna kosa kata atau tidak. Pelajar yang mengetahui makna perkataan yang diberikan, mereka dianggap dapat menguasai perkataan tersebut.

Dapatan jawapan betul bagi kosa kata frasa nama adalah seperti berikut:

Jadual 1: Kosa kata frasa nama

Bilangan perkataan	Lingkar jawapan betul	Peratusan jawapan betul	Min
2	71 - 75	75% dan 74%	1.8
3	51 - 55	55%, 53% dan 51%	1.6 dan 1.5

2	41- 45	45% dan 41%	1.5 dan 1.4
2	36 - 40	39%, 38% dan 37%	1.4
1	31- 35	32%	1.3
1	26 - 30	30%	1.3
1	21 - 25	22%	1.2
1	16 - 20	19%	1.2
4	11 - 15	15%, 15%, 12% dan 12%	1.2 dan 1.1
5	6 - 10	10%, 7%, 7%, 7% dan 6%	1.1
2	0	0%	0

Dapatan jawapan betul bagi kosa kata frasa kerja adalah seperti berikut:

Jadual 2: Kosa kata frasa kerja

Bilangan perkataan	Lingkaran jawapan betul	Peratusan jawapan betul	Min
2	76 – 80	80% dan 79%	1.8
1	46 – 50	50%	1.5
1	36 – 40	38%	1.4
1	26 – 30	28%	1.3
1	21- 25	23%	1.2
2	11 – 15	14% dan 12%	1.1
4	6 – 10	10%, 9%, 7% dan 8%	1.1

Perbincangan

Objektif pertama menunjukkan dapatan tentang hubungan di antara sijil kemasukan ke universiti dengan pencapaian PNGK semasa adalah kuat. Kemampuan bahasa Arab yang mereka kuasai di peringkat sekolah menengah membantu dan membolehkan mereka menguasai kursus-kursus yang majoritinya di dalam bahasa Arab. Mereka mampu berjaya dengan baik di dalam peperiksaan di peringkat universiti seperti mana mereka juga mampu lulus dengan baik di peringkat menengah walaupun terdapat kajian sebelum ini menunjukkan tahap penguasaan bahasa Arab mereka adalah lemah.

Hubungan ini menunjukkan mereka mempunyai gaya tersendiri untuk memahami kursus yang dipelajari dalam bahasa Arab walaupun kurang mahir dalam penguasaan bahasa. Mereka mampu memahami konsep yang dipelajari dan dapat mengingati untuk menjawab peperiksaan. Gaya memahami kandungan seperti ini tidak memerlukan penguasaan bahasa yang baik. Terdapat kajian (Linamalini Mat Nafi & Kamarul Syukri Mat Teh. 2017) yang

menunjukkan bahawa pelajar menggunakan teknik meneka dalam memahami isi kandungan jika terdapat perkataan-perkataan yang tidak difahaminya. Teknik meneka ini terdapat dalam strategi pembelajaran bahasa melalui strategi tampungan.

Objektif kedua tentang mengetahui tahap penguasaan kosa kata frasa nama dalam bidang sastera menunjukkan majoriti mereka tidak menguasai. Tahap penguasaan pelajar bagi kosa kata dalam bidang sastera adalah lemah. Mereka tidak mampu menterjemah makna kosa kata yang diberikan mengikut makna sastera. Ketidakbolehan menterjemah ini menunjukkan mereka tidak mengetahui makna perkataan tersebut dan tidak memahami makna yang hendak disampaikan oleh penulis. Ini menunjukkan mereka tidak menguasai perkataan tersebut dalam mempelajari bahasa Arab.

Sebanyak 24 kosa kata frasa nama dalam bidang sastera dikemukakan untuk dijawab. Hasil dapatan menunjukkan hanya lima (5) perkataan sahaja yang mendapat jawapan 50% ke atas. Dua (2) perkataan mendapat jawapan masing-masing 74% dan 75%. Perkataan tersebut ialah *القدماء والرثاء*. Kedua-dua perkataan ini banyak digunakan dalam ayat-ayat biasa juga walaupun ia mempunyai makna tersendiri dalam sastera. Oleh sebab itu majoriti pelajar dapat menguasainya. Manakala tiga (3) perkataan lagi mendapat jawapan masing-masing 55% (*ثقافات*), 53% (*الهجاء*) dan 51% (*مستحدثة*). Perkataan-perkataan tersebut juga banyak terdapat dalam bidang biasa yang mempunyai makna yang sama walaupun ia menjadi perkataan yang popular dalam bidang sastera.

Baki 19 kosa kata lagi hanya dapat dijawab kurang daripada 50% pelajar. Terdapat dua (2) kosa kata tidak dapat dijawab oleh semua pelajar. Kosa kata tersebut mendapat jawapan 0%. Ini menunjukkan kesemua sampel pelajar tidak mampu mengetahui makna bagi kedua-dua kosa kata tersebut kerana mempunyai makna tersendiri dalam bidang sastera. Kosa kata pertama adalah *المعلقات* yang menunjukkan kepada makna khusus dalam bidang sastera, iaitu antologi puisi. Kosa kata kedua ialah *الصفحة* yang memberi makna permukaan. Terdapat juga penggunaan kosa kata ini dalam bidang biasa dengan makna yang sama. Kemungkinan pelajar tidak peka dengan makna tersebut kerana tidak menjadi kebiasaan membaca kepelbagaian bahan bacaan.

Terdapat juga lima (5) kosa kata yang mendapat jawapan 10% ke bawah. Kosa kata-kosa kata tersebut adalah *الملحة* 10%, *المثابة*, *الديوان*, *العبقرية*, 7%, dan *العنوان* 6%. Baki kosa kata-kosa kata tersebut mengikut peratus jawapan bawah daripada 50% adalah *الارتباب* dan *الضرورة* 12%, *الوجدان* dan *الأدق* 15%, *الأغراض*, 19%, *الحديث*, 22%, *المعارك*, 30%, *العواطف*, 32%, *الغزال*, 37%, *الإبداع*, 39%, *المشاهدة*, 41% dan *القافية* 45%. Daripada keseluruhan 24 kosa kata hanya lima (5) kosa kata sahaja yang mendapat jawapan 50% ke atas. Ini menunjukkan tahap penguasaan pelajar bagi kosa kata dalam bidang sastera adalah terlalu lemah.

Objektif ketiga tentang tahap penguasaan kosa kata frasa kerja dalam bidang sastera oleh pelajar-pelajar pengkhususan sastera Arab, menunjukkan tahap penguasaan pelajar juga adalah lemah seperti tahap kosa kata frasa nama. Sebanyak 12 kosa kata frasa kerja telah dipilih untuk dijawab oleh sampel pelajar. Hanya dua (2) kosa kata sahaja yang mendapat jawapan 50% ke atas. Kosa kata *يحفظون* mendapat jawapan 80%. Ini kerana kosa kata tersebut mempunyai nilai keberulangan yang banyak dalam bidang biasa dan mempunyai makna yang hampir sama dengan bidang sastera.

Oleh itu tidak hairanlah pelajar dapat menjawab dengan peratusan yang tinggi. Kosa kata kedua adalah **بصرون** yang mendapat jawapan 79%. Kosa kata ini juga mempunyai nilai kekerapan yang banyak dalam bidang biasa dengan membawa makna yang hampir sama.

Baki 10 kosa kata lagi mendapat jawapan kurang daripada 50%. Terdapat empat (4) kosa kata yang mendapat jawapan terendah iaitu 10% ke bawah. Kosa kata-kosa kata tersebut adalah **توفر** 7%, **انعكس** 8%, **ينبض** 9% dan **استجد** 10%. Sebenarnya kosa kata-kosa kata ini mempunyai nilai kekerapan yang banyak dalam bidang biasa. Dengan sebab kurang membaca pelbagai bahan, pelajar jarang menemuinya dan tidak dapat memahami maknanya.

Terdapat juga dua (2) kosa kata yang mendapat jawapan dalam lingkungan 11 – 15%, iaitu **بعد** 12% dan **يمثل** 14%. Kedua-dua kosa kata ini juga mempunyai nilai kekerapan yang banyak dalam bidang-bidang biasa dengan membawa makna yang hampir sama. Baki empat (4) kosa kata lagi adalah **يتفاعل** 23%, **مر** 28%, **يتأثر** 38% dan **يستشهد** 50%. Kosa kata-kosa kata ini juga mempunyai nilai kekerapan dalam bidang lain. Dapatan dalam bahagian ini menunjukkan penguasaan pelajar adalah terlalu lemah kerana hanya dua kosa kata sahaja yang mendapat jawapan 50% ke atas.

Hasil dapatan kajian ini menunjukkan tahap penguasaan pelajar terhadap kosa kata dalam bidang sastera Arab adalah terlalu lemah. Hasil kajian ini juga selari dengan hasil kajian-kajian yang dijalankan sebelum ini seperti kelemahan penguasaan pelajar bagi kosa kata dalam bidang-bidang yang lain. Antaranya kajian yang dijalankan oleh Abdul Razif (2015), Aishah Hasmam et al. (2017), Asmuni et al. (2020) (Izah Syakirah & Rosni Samah (2020), Zainur Rijal et al. (2020) dan Nurul Afiqah & Harun Baharudin (2021).

Kosa kata merupakan asset penting dalam bahasa yang boleh membentuk frasa. Azlia Cahyani Ngalawi dan Hakim Zainal (2020) menjelaskan bahawa saiz kosa kata telah dibuktikan mempunyai hubungan yang kukuh dengan bahasa secara keseluruhannya dan berkorelasi dengan kemahiran membaca, mendengar, bertutur dan juga menulis. Ia juga merupakan aset penting dalam penguasaan kemahiran berbahasa serta penanda aras dalam menentukan tahap kecekapan dalam kemahiran tersebut.

Implikasi dan Solusi

Kelemahan pelajar menguasai kosa kata mempunyai implikasi yang negatif dalam usaha penguasaan bahasa Arab. Kamariah dan Siti Raihanni (2016) menjelaskan bahawa kelemahan memahami makna kosa kata dalam kalangan pelajar menyebabkan mereka tidak dapat memahami bahasa yang didengar. Begitu juga tidak dapat mengungkapkan maksud sebenar perkataan tersebut terutamanya ketika menulis.

Kurang penguasaan kosa kata menyebabkan pelajar tidak memahami bahan yang dibaca. Ini menyebabkan mereka lemah dalam penguasaan empat kemahiran bahasa terutamanya kemahiran yang berbentuk produktif bahasa iaitu percakapan dan penulisan seperti dijelaskan oleh Rosni Samah (2013) bahawa lepasan sekolah agama lemah dalam penulisan bahasa Arab. Tidak kurang juga kelemahan ini dapat dilihat dalam kemahiran *reseptif* bahasa seperti pendengaran dan bacaan.

Sarjana bahasa telah menetapkan kadar atau saiz kosa kata yang Perlu dikuasai oleh pelajar. Mengikut Liu Na dan Nation (1985) pelajar yang berada pada peringkat universiti perlu

menguasai sebanyak 3000 perkataan asas dalam bidang tertentu. Manakala Anderson dan Nagy (1993) pula berpandangan pelajar yang berada di peringkat sekolah menengah pula perlu menguasai antara 2000 hingga 3,000 perkataan umum baru setiap tahun bagi membolehkan mereka memahami subjek-subjek yang dipelajari. Dalam kajian yang lain, Nation dan Waring (1997) berpandangan pelajar perlu menguasai kosa kata di antara 2,000 dan 5,000 perkataan untuk penggunaan bahasa yang efektif. Kajian berasaskan frekuensi kosa kata dalam teks yang dijalankan oleh Nation (2001) menjelaskan bahawa sekitar 2000 sahaja perkataan asas yang diperlukan untuk memahami sekurang-kurangnya 8 daripada setiap 10 perkataan dalam teks.

Bagi mengatasi isu kelemahan ini, beberapa solusi boleh dirumuskan melalui beberapa kajian lepas tentang pembelajaran bahasa Arab. Antara solusi yang dikemukakan ialah penggunaan strategi pembelajaran bahasa. Banyak kajian lepas menunjukkan pelajar bahasa Arab menggunakan strategi pembelajaran bahasa pada tahap sederhana seperti dapatan yang dilaporkan oleh Linamalini & Kamarul Syukri (2018). Pelajar hendaklah menggunakan strategi pembelajaran bahasa dengan sebaik yang boleh bagi menguasai kosa kata yang dipelajari. Pelajar cemerlang bahasa Arab banyak menggunakan strategi pembelajaran bahasa semasa belajar bahasa Arab bagi menguasai kosa kata seperti dilaporkan oleh Rosni Samah et al. (2016). Begitu juga dalam proses pengajaran bahasa Arab guru-guru hendaklah menggunakan strategi pembelajaran bahasa Arab bagi membolehkan pelajar menguasai bahasa yang dipelajari. Guru-guru cemerlang banyak menggunakan strategi pembelajaran bahasa yang terdiri daripada pengumpulan, pengukuhan dan aplikasi bagi membantu pelajar menguasai bahasa dengan baik seperti dapatan kajian yang dijalankan oleh Rosni Samah et al. (2020).

Kesimpulan

Pelajar ijazah sarjana muda bahasa Arab telah pun mempelajari bahasa Arab di peringkat sekolah sekurang-kurangnya enam tahun bermula dari tingkatan satu sehinggalah tingkatan enam. Dalam jangka masa yang lama ini, sudah tentu mereka dapat menguasai jumlah kosa kata yang mencukupi untuk menguasai bahasa Arab. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tahap penguasaan pelajar bagi kosa kata dalam bidang sastera adalah lemah walaupun mereka berjaya mendapat PNGK yang tinggi. Implikasi kepada kelemahan tersebut ialah pelajar akan menghadapi kesulitan dalam memahami bacaan teks dalam bidang tersebut. Kelemahan ini juga menyebabkan pelajar kurang memahami perkembangan sastera Arab dan membuatkan mereka kurang berminat dengan bahan tersebut. Justeru itu tidak hairanlah sukatan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia ini kurang memberi tumpuan kepada bidang sastera terutamanya bahan teks sastera untuk bacaan. Bagi mengatasi kelemahan tersebut, dicadangkan supaya pelajar diperkenalkan dengan strategi pembelajaran bahasa bagi meningkatkan penguasaan kosa kata mereka. Strategi ini juga turut disarankan dalam proses pengajaran yang dijalankan oleh guru.

Rujukan

Abdul Rahim Ismail. 1994. Pengajaran Bahasa Arab Sebagai Bahasa Kedua: Permasalahan dan Penyelesaian. Dalam Muhammad Bukari Lubis. *Persuratan Islam*. Kuala Lumpur: DBP. Hlm. 38-49.

- Abdul Razif Zaini, Muhammad Redzaudin, Rufian Ismail, Mohamad Rushdan, Nurshamsinar Zakaria, Hasmadi Hamdan. 2017. Permasalahan Dalam Pengajaran Bahasa Arab di Malaysia. Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Volume: 1
- Abdul Razif Zaini. 2015. Penguasaan Kosa Kata Bahasa Arab dalam kalangan Pelajar Melayu di Peringkat Universiti. Tesis PhD. Fakulti bahasa dan Linguistik. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Aisah Hasmam, Nik Mohd Rahimi Nik Yusuf, Maimun Aqsha Lubis, Aisyah Sjahrony. 2018. Amalan Strategi Pemahaman Makna Kosa Kata Bahasa Arab Berasaskan Konteks Penggunaan Dalam pengajaran Guru Cemerlang Bahasa Arab. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*, 1(2), 53-66.
- Al Naqah, Mahmud Kamil. 1985. Ta'lim al Lughah al Arabiyyah Linnatiqina Biha. Saudi Arabia: Universiti Ummul Qura.
- Anderson, R & Nagy, W. 1993. The Vocabulary Conundrum. USA: University of Illinois.
- Anida Abd.Rahim. 2003. Strategi Pembelajaran Bahasa Arab di Kalangan Pelajar Melayu. Tesis Sarjana. K. Lumpur: Universiti Malaya.
- Asmuni Zumrah, Nazipah Mat Shaid@Md. Said, Rosni Samah. 2020. Penguasaan Kosa Kata Bahasa Arab dalam Bidang Politik dan Ekonomi dalam Kalangan Pelajar Tahun Satu di Universiti Awam. *Sains Humanika*, 12(2), 55-60.
- Azlia Cahyani Ngalawi & Hakim Zainal. 2020. Kajian literatur saiz kosa kata Arab di Malaysia. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 3 (1):157-169.
- Izzah Syakirah Maaruf & Rosni Samah. 2020. The Ability to Translate Arabic Vocabulary among STAM Student/ Kebolehan Menterjemah Kosa Kata Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar STAM. *Sains Humanika*, 12(3), 12-23.
- Kamariah, A. R., dan S. Siti Raihanni. 2016. Memperkaya Kosa Kata Pelajar. Seminar Bahasa Melayu, 132-43.
- Kamarul Shukri Mat Teh. 2009. Korelasi Strategi Dengan Motivasi Dalam Pembelajaran Bahasa Arab. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, 24, 109-123.
- Linamalini Mat Nafi & Kamarul Syukri Mat Teh. 2017. Kepelbagaian penggunaan strategi pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar IPT Kelantan. *D-JIE: online journal of Islamic Education*, 3, p 1-8.
- Linamalini Mat Nafi & Kamarul Syukri Mat The. 2018. Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Arab Berdasarkan Pencapaian Bahasa Arab dalam Kalangan Mahasiswa di Kelantan. *Jurnal KIAS*, Vol. 3. No. 1. 67-89.
- Liu Na & Nation, P. 1985. Factors affecting guessing vocabulary in context. *RELC Journal*, 16(1), 33-42.
- Mat Taib, P. 2008. Isu-isu pengajaran bahasa dan kesusasteraan Arab di Institusi Pengajian Tinggi. *Prosiding Seminar Pengajaran Bahasa dan Kesusasteraan Arab di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia*.
- Nation, P. & Waring, R. 1997. Vocabulary size, text coverage and word list. Dalam N. Shcmitt & M. McCarthy (eds.), *Vocabulary description, acquisition and pedagogy*. Cambridge: Cambridge University Press.

- Nation, P. 2001. *Learning Vocabulary in another Language*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Osman Khalid. (1993). Pengajian Bahasa Arab di Sekolah-Sekolah dan Pusat Pengajian Tinggi di Malaysia. Dalam Ismail Ab Rahman, Abd Aziz@Ahmad dan Mohd Yasin Muda (pynt). *Isu-isu Pendidikan Islam di Malaysia: cabaran dan harapan*. Kuala Terengganu: penerbit Kolej Agama Sultan Zainal Abidin, hlm. 210-217.
- Rizan, N. A. M., & Baharudin, H. 2021. Tahap Pengetahuan Kosa Kata dan Pencapaian Kemahiran Bertutur Bahasa Arab Pelajar di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) Selangor. *International Conference on Business Studies and Education (ICBE)*, 42–53.
- Rohaizaf, Rosni Samah dan Azlan. 2018. *Ta'lim Maharatul Kitabah Billughah Arabiyyah lil Natiqiina bighairiha Asaru Istikhdam Tariqah Mubasyirah*. Nilai: USIM.
- Rosni Samah, Aishah Isahak, & Wan Azura Wan Ahmad. 2020. Amalan Guru Cemerlang dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Bahasa dan Sastera Arab Mengikuti Strategi Ibnu Khaldun. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 35(1), 37–54.
- Rosni Samah, Fariza Puteh-Behak, Noor Saazai Mat Saad, Suraini Mohd Ali, Ramiaida Darmi, Haliza Harun. 2016. Effective Methods in Learning Arabic Language as a Foreign Language. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 7(3), 349-355.
- Rosni Samah, Mohd Fauzi Abdul Hamid, Shaferul Hafes Sha'ari & Amizan Helmi Mohamad. 2013. Aktiviti Pengajaran Kemahiran Bertutur Bahasa Arab Dalam Kalangan Jurulatih Debat. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 13(2), 99-116.
- Rosni Samah. 2012. Pembinaan Ayat Bahasa Arab dalam Kalangan Lulusan Sekolah Menengah Agama. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 12(2), 555-569.
- Rosni Samah. 2013. Kaedah Penguasaan Kosa Kata Bahasa Arab Untuk Pelajar Bukan Arab. Nilai. USIM.
- Siti Saudah Hasan. 1994. Permasalahan Bahasa Arab dan Masalah Pembelajaran. Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Asing. Dalam: Masyarakat Pelbagai Etnik di Malaysia. Bangi: Pusat Bahasa Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm: 90-98.
- Ta'imah, Rushdi Ahmad. 1989. *Ta'alum al-Arabiyyah li Ghairi al-Natiqenabiha*. Ribath: ISISCO
- Tarmizi. 1997. Pengajaran Dan Pembelajaran Kemahiran Bertutur Bahasa Arab: Satu Kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama. Tesis Sarjana. Fakulti Bahasa dan Linguistic. University Malaya.
- Virginia French Allen. 1993. *Techniques in Teaching Vocabulary*. Oxford American English. Oxford University Press.
- Zainur Rijal Abdul Razak, Rosni Samah dan Sulaiman Ismail. 2020. Tahap Penguasaan Kosa Kata Bahasa Arab Pelajar Universiti: Satu Kajian Korpus di Universiti Sains Islam Malaysia. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*. Vol.10, Issue, 1 pp. 71-80.
- Zawawi Ismail, Ab Halim Tamuri, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff dan Mohd Ala-Uddin Othman. 2011. Teknik Pengajaran Kemahiran Bertutur Bahasa Arab di SMKA di Malaysia. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, Vol. 11(2), 67-82.

- Zumrah, A., Mat Shaid@Md. Said, N., & Samah, R. 2020. Arabic Vocabulary Mastery of Politics and Economic among First Year Student in Public University/ Penguasaan Kosa Kata Bahasa Arab dalam Bidang Politik dan Ekonomi dalam Kalangan Pelajar Tahun Satu di Universiti Awam. *Sains Humanika*, 12(2). Pp. 55-60
<https://doi.org/10.11113/sh.v12n2.1664>
- Zainur Rijal Abdul Razak, Rosni Samaha, Muhammad Fauzi Juminganb, Mohd. Shahrman Abu Bakar. 2015. Kosa Kata Penting Di Peringkat STAM: Analisis Korpus Dalam Buku Teks. *Sains Humanika*. 5:1 (2015) 43–49.